

PANDUAN MENDAFTARKAN AKAUN PENGGUNA EZBIZ ONLINE

Syarat Mendaftar Akaun Pengguna Ezbiz

1. Dibawah peruntukan seksyen 22A, Akta Pendaftaran Perniagaan (APP 1956) Pendaftar/SSM boleh memberi perkhidmatan bagi dokumen difailkan secara elektronik (Ezbiz).
2. Pemohon yang ingin menggunakan perkhidmatan yang disediakan perlu berdaftar sebagai pengguna/subscriber perkhidmatan Ezbiz.
3. Pemilik atau rakan kongsi merupakan warganegara (MyKad) atau penduduk tetap (MyPR) dan mestilah berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas.

Prosedur Mendaftarkan Akaun Pengguna Ezbiz

4. Pemohon boleh mengemukakan permohonan secara atas talian di ezbiz.ssm.com.my. Sila rujuk [Tatacara Mendaftar Akaun Pengguna Ezbiz](#).
5. Pemohon perlu bersedia dengan maklumat seperti berikut:
 - 5.1 E-mel yang aktif
 - 5.2 No. HP pemohon (mudah dihubungi)

Fi Akaun Pengguna Ezbiz

6. Pihak SSM telah mengecualikan Fi bagi menggalakkan lebih ramai pengguna Ezbiz menggunakan perkhidmatan ini.

Panduan AM

7. Pastikan pengguna ezbiz tidak berkongsi kata laluan/password kepada pihak ketiga bagi memastikan keselamatan maklumat perniagaan terjamin dan tidak ada salah guna akaun pengguna tersebut.
8. Setiap pengguna Ezbiz perlu mematuhi terma dan syarat dan memastikan tiada salah guna perkhidmatan ezbiz. Pihak SSM akan mengambil tindakan menggantung atau membatalkan perkhidmatan pengguna jika terdapat salahguna atau aduan daripada orang awam.

9. Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi pusat panggilan SSM di talian 03-77214000 atau emel ke enquiry@ssm.com.my.